

Terengganu terus kuasai acara memanah



Ara: Terengganu terus unggul menduduki takhta kutipan pingat emas temasya SUKMA Perlis dengan acara memanah menyumbang tiga lagi emas menerusi kategori 50m recurve lelaki dan wanita serta 50m compound lelaki di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin semalam.

Muhammad Shaiffuddin Mohd Kamro, 19, mengumpul 323 mata untuk meraih emas acara 50m recurve lelaki, menewaskan Bildean Bonilung dari Sabah yang mengumpul 320 mata manakala atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Aidid Azmi meraih gangsa, 319 mata.

"Alhamdulillah saya tidak berdepan sebarang kesukaran walaupun disaingi beberapa atlet pelapis kebangsaan.

"Ini emas kedua saya pada temasya ini selepas 70m recurve yang berlangsung semalam (kelmarin) dan saya sudah berjaya mencapai sasaran peribadi ditetapkan, tapi saya ingin terus memburu lebih banyak pingat kali ini.

"Kejayaan ini akan saya jadikan perangsang untuk aksi cemerlang pada Kejohanan Universiti Dunia berlangsung di Poland, Julai ini," kata penuntut Diploma Rekaan Industri Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) itu

Satu lagi emas Terengganu hadir menerusi Nuramalia Haneesha Mazlan dalam acara 50m recurve wanita yang mengumpul 312 mata manakala perak milik Kho Yee Ting dari Sarawak (305 mata) dan gangsa atlet Pulau Pinang, Loke Shin Hui (304 mata).

Emas ketiga Terengganu disumbang Lutfil Hadi Mohd Yusof menerusi acara 50m compound lelaki selepas melakukan catatan 341 mata manakala pingat perak menjadi milik Muhammad Ashraff Mohd Adzeman manakala Wong Co Wan dari Sabah menduduki tempat ketiga.

HARIAN METRO 31/05/2014